

Dr. Mahathir mahu isu pengasingan pelajar tidak lagi diperbesar

UM 30 MAR 2002

SHAH ALAM 29 Mac -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu isu pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah tidak lagi diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada tindakan mengheret Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N. Siva Subramaniam ke mahkamah.

Bagi Perdana Menteri, dakwaan NUTP itu yang kemudian didapati tidak berasas bukan kesalahan besar berbanding tindakan sesetengah pihak yang dengan sengaja menentang usaha kerajaan mengintegrasikan murid daripada pelbagai kaum di negara ini.

"Saya ingat perkara itu tak payahlah dibesar-besarkan. Manusia kadang-kadang buat silap, kita kena ambil kira juga itu. Kalau dia minta maaf cukuplah, selesailah perkara itu. Apa nak berperang kerana perkara itu sahaja," katanya.

Perdana Menteri mengulas perkembangan terkini isu tersebut kepada peminat selepas merasmikan

Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor dan melancarkan Buletin BN Selangor di Kompleks Belia dan Kebudayaan negeri di Seksyen 7 di sini hari ini.

"Media hari ini melaporkan polis telah menubuhkan pasukan penyiasat khas sebaik sahaja beberapa aduan dibuat oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) terhadap Siva berhubung dakwaan kononnya terdapat sekolah yang melakukan pengasingan pelajar mengikut kaum.

Kenyataan

Ketua Bahagian Perundangan Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner 1 Hashim Sarat yang mengetuai pasukan penyiasat itu memberitahu yang polis akan menyiasat dan mengambil kenvataan Siva di bawah Akta Hasutan.

Kelmarin, PIBG dari lima buah sekolah di Taiping, Perak membuat laporan polis berhubung dakwaan Siva itu.

Ditanya tindakan sekolah mengemukakan saman malu sehingga mencecah angka RM1 juta terhadap

Siva, Dr. Mahathir menyifatkannya sebagai tidak wajar dan menasihati pihak terbabit supaya membatalkan sahaja hasrat tersebut.

Perdana Menteri percaya imej dan reputasi sekolah yang terlibat tidak terjejas hanya disebabkan tuduhan NUTP itu.

"Saya fikir tak payahlah (saman), saya tak nampak imej siapa-siapapun terjejas kerana isu ini. Kadang-kadang kita buat silap," ulangnya.

Ditanya sama ada beliau merasakan NUTP telah melakukan satu kesalahan besar kerana membuat tuduhan tersebut, Perdana Menteri berkata: "Saya tak nampak besar mana kesalahan itu. Yang lebih salah ialah orang yang sengaja, sewaktu kita hendak mendekati murid-murid, dia menentang.

"Itu salah besarlah kerana kita nak rapatkan murid-murid."

Dalam kes Siva, Dr. Mahathir menjelaskan tuduhan yang dilemparkan ialah kononnya sekolah-sekolah berkenaan mengasingkan murid-murid mengikut ka-

um sedangkan sebenarnya kerajaan sudah melakukan usaha untuk mengintegrasikan mereka.

"Jadi kritikan ini di pihak bertentangan, bukan seperti sebelumnya (bantahan oleh pihak tertentu - bukan NUTP). Sebelum ini, kita nak buat Sekolah Wawasan pun tak boleh, kena asingkan kanak-kanak dari lain kaum, kena duduk jauh-jauh dan tak boleh bercampur langsung.

"Lepas itu buat tuduhan yang kita nak tutup sekolah itu, sekolah ini sedangkan kita dah buat undang-undang supaya Menteri Pendidikan tak boleh menukar mana-mana sekolah kerana telah (termaktub) dalam undang-undang," katanya.

Dr. Mahathir kesal kerana sehingga kini, isu penutupan sekolah rendah jenis kebangsaan (SRJK) terus dibangkitkan oleh sesetengah pihak yang dulunya pernah mendesak supaya diwujudkan undang-undang bagi menjamin kedudukan sekolah berkenaan.